

BAB SATU:

PENGENALAN

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan Arab adalah satu pengajian tentang uitaian bahasa yang indah yang bertapak dan berkesan di dalam jiwa samada melalui lisan mahupun tulisan. Ia berkembang biak, dialun dan dinadakan oleh sebahagian masyarakat Timur Tengah yang menghargainya dan sebahagian penduduk dunia yang mempunyai ikatan Islam sebagai agama dan bahasa. Tidak dinafikan bahawa ia adalah satu perbahasan yang menarik untuk direnungi segenap lapisan umur dan usia manusia.

1.2 Rasional Kajian

Di Malaysia, kesusasteraan Arab adalah salah satu rangkaian pelajaran yang dikategorikan di bawah entiti bahasa Arab yang ditetapkan pembelajarannya samada di pusat pengajian awam mahupun persendirian, menengah dan tinggi. Tetapi malang menimpa kepada pembelajaran kesusasteraan Arab ini kerana ia tidak mendapat sambutan yang diharapkan baik di kalangan pelajar sekolah mahupun institusi pengajian tinggi dalam negeri khususnya.

Tidak keterlaluan jika kenyataan atau pernyataan ini bersifat umum dan tidak terhad kepada kesusasteraan berdasarkan geografi dan politik tertentu tanpa merujuk kepada sesebuah kesusasteraan tertentu. Ini adalah satu reaksi terhadap keengganinan penutur asal (*native speaker*) yang bernaung di bawah kulliyyah atau kursus pengajian bahasa

dan kesusasteraan yang memainkan peranan penting di dalam mengharum dan menyemarakkan nama sesebuah bangsa setelah menyaksikan ilmu kesusasteraan Arab ini tidak mampu membawakan reaksi penulisnya ke mana-mana di dalam dunia serba moden ini.

Penulis beranggapan perkara ini disebabkan kesusasteraan ini diajar sebagai sebuah entiti berbeza daripada mata pelajaran bahasa Arab yang lain terutamanya pengajaran tekstual kesusasteraan itu sendiri seperti syair dan prosanya.

Penulis juga beranggapan bahawa kesusasteraan Arab terutama yang bersifat tekstual hanya diterjemahkan dan dihafal sahaja tanpa memahami konteks dan latarbelakang ujaran penyair mahupun pemidato.

Sehubungan itu, penulis beranggapan satu proses gabungjalinan ataupun bahasa merentasi kurikulum di antara bahasa Arab dan kesusasteraan Arab perlu disematkan ke dalam jiwa setiap pendidik yang bergelumang di dalam bidang ini.

Kajian ini juga menjurus ke arah mengoptimumkan ilmu para pendidik budiman.

1.3 Kepentingan Kajian

Bidang kesusasteraan Arab terutamanya syair amat penting dan menarik untuk diselidiki terutama sekali sekiranya ia digunakan sebagai bahan kajian dan digandingkan dengan pengajaran bahasa Arab, antaranya;

- 1- Memahat pengajaran bahasa Arab terutamanya nahu melalui sumber autoritatif.

- 2- Mengenengahkan pengajaran dan pembelajaran nahu Arab berdasarkan syair Arab
- 3- Mendedahkan kepada pelajar secara ilmu ḥuḍūrī atau *making present* suasana zaman yang melatari sebuah ujaran syair dan faktor
- 4- Menyingkap latarbelakang sesuatu syair yang dialunkan dan sasterawan yang mengalunkannya.

Rasionalnya, kesusasteraan Arab berpentaskan maklumat. Ia tidak mampu dibayar dengan mutiara kerana ia adalah mutiara yang ingin dikecapi manusia yang beralatkan bahasa al-Quran juga.

1.4 Bidang Dan Batasan Kajian

Di sini, penulis akan membataskan bidang kajian kepada PENGAJARAN BAHASA ARAB dan bidang BAHASA ARAB yang dimaksudkan hanya terhad kepada pengajaran Nahu Arab tanpa melampaui batasannya.

Manakala batasan kajian ialah PENGGUNAAN **KESUSASTERAAN ARAB DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB** hanya menjurus kepada PENGGUNAAN **SYAIR ARAB DALAM PENGAJARAN NAHU ARAB**.

Pembatasan bidang dan batasan ini disebabkan penulisan kesusasteraan Arab akan merangkumi syair dan prosa. Kajian keduanya di dalam pengajaran bahasa Arab akan menyebabkan perbahasan panjang yang membosankan dan memenatkan. Oleh itu, penulis hanya menjuruskam pengkajian ini terhad kepada syair Arab sahaja tanpa melihat kepada komponen kesusasteraan Arab yang lainnya.

Perbahasan pengajaran bahasa Arab yang meliputi Nahu, Saraf, Balaghah dengan pecahannya dan prosa akan menjadi sesuatu yang berjela sekiranya tidak dibataskan kepada sesuatu bidang sahaja. Selain itu, ia juga membolehkan pembaca dan penulis menghadami bidang kajian dengan lebih mendalam.

Dari sudut PENGGUNAAN SYAIR DALAM PENGAJARAN NAHU ARAB, penulis memilih syair matapelajaran Teks dan Sastera Arab, Kursus Diploma Bahasa dan Kesusastraan Arab, Semester 5, Tahun 3, Kolej Islam Darul Ridzuan, Ipoh, Perak untuk diterapkan pada matapelajaran al-Nahu I, Semester I, Tahun 1, Kursus Diploma Bahasa dan Kesusastraan Arab, Kolej Islam Darul Ridzuan, Ipoh, Perak.

Sebuah syair yang lahir pada zaman pemerintahan Kerajaan Abbasiah peringkat kedua yang bermula tahun 232 H sehingga 656 H, iaitu syair yang dialunkan oleh Abū al-Tayyib Alḥmad bin al-Ḥusayn al-Mutanabbiy atau lebih dikenali sebagai *syīr al-ḥummā* telah ditetapkan sebagai sampel kajian.

Syair ini memaparkan gelojak jiwa al-Mutanabbiy selepas berlaku perselisihan faham antara beliau dan Saif al-Daulat, pemerintah Ḥalab pada masa itu dan demam yang diberitai beliau semasa berada di Mesir.

1.5 Permasalahan Kajian

Pada akhir bab, kajian ini akan menjawab 4 permasalahan pokok. Pertamanya, kewibawaan syair Arab diketengahkan sebagai sumber pengajaran dan pembelajaran Nahu Arab di insitusi pendidikan agama dan Arab.

Keduanya, keberkesanannya pengajaran dan pembelajaran Nahu Arab bersumberkan syair Arab. Manakala ketiganya pula, kemampuan minda, jiwa dan gerak tubuh pelajar dirangsangkan dalam pengajaran nahu Arab yang bersumberkan syair Arab.

Akhirnya, keempat, kebolehan pelajar untuk menerapkan penggunaan syair dalam pembelajaran Bahasa Arab.

1.6 Tinjauan Kajian Berkaitan

Penulis beranggapan setelah mengkaji tajuk-tajuk disertasi yang terdapat di perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik dan mengikut buku Panduan Penulisan Cadangan Penyelidikan Dan Proposal Tajuk-Tajuk Disertasi Dan Tesis serta Senarai Sumber Rujukan Bahasa Arab Edisi Kedua Jumādā al-Ūlā 1423 / Julai 2002 Oleh Jawatankuasa Pasca Siswazah Arab (JAPSAR) Jabatan Bahasa Arab Dan Bahasa-Bahasa Timur Tengah Fakulti Bahasa Dan Linguistik Universiti Malaya, maka penulis mendapatkan tiada kajian yang menjurus kepada kesusasteraan Arab atau lebih tepatnya syair Arab sebagai bahan kajian terapan ke dalam bahasa Arab.

Walaupun demikian, terdapat 2 buah kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang ditulis oleh Ahmed Talal Hasan (1998) yang bertajuk “Metod Pengajaran Sastera Arab Di Sekolah-Sekolah Menengah Ugama Malaysia: Satu Penilaian (Kajian Khusus Di Sekolah Menengah Agama Di Kelantan)” dan Sainie @ Saini Andamit Ag. Damit. (1998) yang bertajuk “Pengajaran Dan Pembelajaran Kesusasteraan Arab Di Peringkat Sekolah Menengah Dan Universiti” yang mempunyai kaitan dengan kesusasteraan Arab dari aspek pengajaran dan pembelajaran.

Penulis beranggapan, kedua-dua kajian di atas mempunyai sedikit kaitan dengan kajian yang penulis jalankan kerana kedua-duanya menjurus ke arah kajian pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Arab, manakala kajian penulis lebih menjurus ke arah terapan atau penggunaan syair Arab dalam pembelajaran nahu Arab.

1.7 Objektif Kajian

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut,

- 1- Menyingkap kewibawaan penggunaan syair Arab dalam pengajaran nahu Arab.
- 2- Meninjau keberkesanan penggunaan syair Arab dalam pengajaran nahu Arab.
- 3- Membiasakan pelajar-pelajar menggunakan syair Arab dalam penulisan dengan menghafal teks-teks yang mempunyai autoriti bahasa.
- 4- Menerapkan penggunaan syair Arab di kalangan pelajar-pelajar

1.8 Metodologi

Di dalam mencari maklumat untuk dijadikan bahan kajian penulis menggunakan beberapa metodologi atau instrumen seperti berikut,

- 1- Kajian Perpustakaan

Melalui kaedah ini, buku-buku yang berkaitan dengan penyelidikan dibuat rujukan. Selain daripada itu, jurnal-jurnal juga dijadikan sebagai bahan yang sangat penting untuk tujuan penyelidikan. Di samping itu, media cetak seperti akhbar, majalah dan lain-lain juga diberi perhatian mana-mana yang bersesuaian

sebagai tambahan rujukan.

2- Temubual

Temubual yang penulis jalankan ataupun yang dimaksudkan di sini adalah temubual secara talaqqi musyafahah dengan Dr. Ahmad 'Abd al-Ghaffar 'Ubayd Dekan Fakulti Pengajian Islam dan Arab, Universiti al-Azhar, Cawangan Iskandariah (Perempuan) tentang perbahasan dan kajian beliau mengenai syi'r al-Hummā dalam dua karya beliau yang bertajuk Mukhtarāt Adabiyyaṭ dan al-Adab al-'Abbāsiy wa Nusūsuh semasa beliau menjadi pensyarah pelawat di Kolej Islam Darul Ridzuan, Ipoh baru-baru ini.

3- Hasil Kajian Terdahulu

Dalam hasil kajian terdahulu, penulis melihat ke dalam kajian-kajian yang mempunyai keberlangsungan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa samada Arab ataupun Melayu. Ini adalah untuk mendapatkan gambaran umum tentang kajian tersebut. Adakah ia mempunyai kesamaan yang boleh digunakan ataupun ketidaksamaan yang hanya boleh dijadikan rujukan dan panduan.

4- Bimbingan Penyelia

Bimbingan penyelia berikutnya keperluan seseorang penulis itu kepada panduan yang perlu diikuti mengikut kehendak-kehendak universal, kesesuaian masa dan tempat. Tanpa mengira latarbelakang pendidikan mahupun perbezaan supaya kajian yang lahir ini akan mempunyai keserupaan metod dan keberkesanan

maklumat kajian.

1.9 Rangka Kajian

Penulis telah membahagikan kajian ini kepada 4 bab:

Bab Pertama menerangkan tentang pengenalan tajuk, kepentingan kajian, bidang dan batasan kajian, permasalahan kajian, tinjauan kajian berkaitan, objektif kajian, metodologi dan rangka kajian.

Bab Dua pula, menjelaskan perkembangan sastera Arab daripada zaman jahiliah. Seterusnya perkembangan makna dan penggunaan perkataan al-adab (syair) menjangkau rentetan zaman Awal Islam, Umawiyah, Abbasiyah dan Moden.

Seterusnya, bab ini juga menurunkan pengenalan ringkas tentang tema-tema syair dan penyair-penyair sezaman yang masyhur serta contoh karya zaman kajian yang autentik (asli).

Seterusnya dalam Bab Tiga, penulis akan membawakan tinjauan penulis tentang aplikasi metodologi pengajaran dan pembelajaran semasa dan terkini dan pengalaman pengajaran bidang tersebut yang dimiliki penulis dengan bantuan Yang Maha Esa juga dan membuat rumusan terhadap proses pengajaran dan pembelajaran syair Arab merentasi nahu Arab. Seterusnya penulis akan membuat kesimpulan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkaitan

Manakala Bab Empat pula memperkatakan tentang rumusan yang dapat disimpulkan

daripada kajian dan disusuli dengan beberapa cadangan. Akhirnya, kajian ini disimpulkan dengan penutup.